

**PERATURAN PERTANDINGAN
BOLA JARING
SUKAN PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA**

1.0 NAMA

- 1.1 Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Bola Jaring Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

2.0 UNDANG-UNDANG / PERATURAN

- 2.1 Semua pertandingan hendaklah mengikut Undang-undang Pertandingan Persekutuan Bola Jaring Antarabangsa (INF) Persatuan Bola Jaring Malaysia (PBJM) dan Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

3.0 PENYERTAAN

- 3.1 Kelayakan penyertaan hendaklah mematuhi perkara (5.0) dalam Peraturan Am Sukan Badan Berkanun Malaysia

4.0 YURAN PENYERTAAN

- 4.1 Perkara (7.0) dalam Peraturan Am Sukan Badan Berkanun Malaysia digunakanapakai.

5.0 PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN PEMAIN

- 5.1 Setiap pasukan yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini mestilah mengisi borang penyertaan yang disediakan oleh jawatankuasa teknikal dan Pertandingan;
- 5.2 Setiap pasukan boleh mendaftar satu (1) pasukan seperti berikut :

| BIL | PERKARA | JUMLAH |
|--------|-------------------|----------|
| 1 | Pengurus Pasukan | 1 orang |
| 2 | Jurulatih Pasukan | 1 orang |
| 3 | Pemain | 12 orang |
| JUMLAH | | 14 orang |

- 5.3 Setiap pasukan diwajibkan mendaftar sekurang-kurang satu (1) orang pemain veteran berumur 35 tahun ke atas (lihat peraturan Am perkara (6.0) para 6.3 dan mesti bermain sepenuh masa;

6.0 PAKAIAN PERTANDINGAN

- 6.1 Perkara (10.0) dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia digunakanapakai;
- 6.2 Setiap pasukan hendaklah menyediakan dua (2) set bibs.

- 6.3 Huruf-huruf (ketinggian adalah 6 inci) dibawah hendaklah disematkan di bahagian hadapan dan belakang baju pemain itu:

| | | |
|----|-----------------|--------------|
| GS | Penjaring Gol | Goal Shooter |
| GA | Penyerang Gol | Goal Attack |
| WA | Penyerang Sayap | Wing Attack |
| C | Pemain Tengah | Centre |
| WD | Penangkis Sayap | Wing Defence |
| GD | Penahan Gol | Goal Defence |
| GK | Penjaga Gol | Goal Keeper |

- 6.4 Setiap pemain hanya dibenarkan memakai "track bottom" atau "skirt" bersama "tights". Seluar pendek atau "tight" sahaja tidak dibenarkan.

7.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 7.1 Sila rujuk Perkara (9.0) Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

8.0 PASUKAN / PERTUKARAN PEMAIN

- 8.1 Tiap-tiap pasukan mesti mempunyai sekurang-kurangnya minimum lima (5) orang pemain sebelum satu-satu perlawanan dimulakan. Jika kurang daripada jumlah ini pasukan tersebut dikira menerima kekalahan.
- 8.2 Kecederaan dan Kesakitan: Apabila seorang pemain mendapat cedera atau sakit semasa bermain, pemain dalam pasukan boleh meminta pemberhentian masa daripada pengadil perlawanan. Hanya Pegawai Penjagaan Utama (Primary Care Personnel) sahaja dibenarkan masuk ke dalam gelanggang untuk merawat pemain yang cedera tersebut. Sekiranya pasukan tidak mempunyai Pegawai Penjagaan Utama, pasukan perubatan yang bertugas di venue secara automatik bertindak sebagai Pegawai Penjagaan Utama tersebut.
- 8.3 Masa pemberhentian kecederaan yang dibenarkan adalah seperti berikut;
- 8.3.1 Masa kecederaan hanyalah 30 saat dan pemain yang cedera hendaklah keluar. Pemain yang keluar itu boleh bermain kembali selepas 1 gol.
- 8.3.2 Pemain Simpanan:
Pemain yang sakit atau cedera boleh diganti dan boleh bermain semula selepas diganti di dalam permainan yang sama.
- 8.4 Pemain yang lewat sampai tidak boleh memasuki permainan yang sedang dijalankan, melainkan setelah memberitahu pengadil dan ketua pasukan lawan. Pemain akan dibenarkan masuk bermain seperti berikut:-

- 8.4.1 Selepas gol dijaringkan. Dalam hal ini pemain mestilah mengambil kedudukan yang dikosongkan oleh pasukannya.
- 8.4.2 Selepas permainan diberhentikan kerana kecederaan atau kesakitan.
- 8.4.3 Selepas rehat separuh masa.

9.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KUMPULAN

- 9.1 Secara Liga;
 - 9.1.1 Cara memberi mata;

| | | |
|--------|---|--------|
| Menang | : | 3 mata |
| Seri | : | 1 mata |
| Kalah | : | 0 mata |
 - 9.1.2 Jika dua (2) atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut;
 - 9.1.2.1 Pasukan yang memenangi lebih perbezaan gol akan dikira Menang (jumlah jaringan gol ditolak dengan gol yang kena);
 - 9.1.2.2 Jika masih seri, pasukan yang menjaring gol terbanyak akan diisyiharkan sebagai pemenang.
- 9.2 Secara Kalah Mati;
 - 9.2.1 Jika keputusan berakhir dengan seri pada peringkat pusingan kedua, suku akhir, separuh akhir dan akhir, maka keputusan pertandingan akan ditentukan seperti berikut;
 - 9.2.1.1 Masa rehat akan diberikan selama 3 minit selepas tamat permainan. Pengantian dan /atau pertukaran posisi dibenarkan.
 - 9.2.1.2 Masa tambahan selama 5 minit setiap separuh masa akan diberikan. Kedua-dua pasukan akan bertukar kawasan gol diakhir separuh masa tanpa rehat. Pengantian dan / atau pertukaran posisi tidak dibenarkan. Hantaran tengah seterusnya akan diambil oleh pasukan yang berhak mengambilnya.
 - 9.2.1.3 Jika berlaku seri setelah masa permainan tamat (masa tambahan), permainan akan diteruskan sehingga satu pasukan mendapat 2 (dua) kelebihan gol.

10.0 MASA BERMAIN

- 10.1 15 Minit (Masa Pertama) + 3 Minit (Rehat) + 15 Minit (Masa Kedua)
Pasukan hendaklah bertukar gol selepas separuh masa permainan.

11.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN

- 11.1 Sekiranya pengadil berpendapat bahawa keadaan tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh cuaca atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan, perlawanan tidak dapat dimainkan atau sekiranya

sesuatu perlawanan dihentikan akibat hal-hal luar kawalan kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau dihentikan hendaklah dilangsungkan pada tarikh, tempat dan masa yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola.

12.0 MENARIK DIRI, MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA DAN GAGAL HADIR

- 12.1 Perkara (12.0) dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia digunakan.
- 12.2 Pasukan yang mendapat kemenangan percuma akan diberi 3 mata dengan keputusan jaringan 15-0

13.0 BANTAHAN

- 13.1 Semua bantahan yang dikemukakan oleh mana-mana pasukan hendaklah mematuhi Perkara (17.0) dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

14.0 KEADAAN LUAR JANGKA

- 14.1 Perkara (23.0) dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia diguna pakai.